

Pelan strategik berhasil

KUANTAN: Selepas sembilan tahun penubuhan Universiti Malaysia Pahang (UMP), institusi pengajian tinggi (IPT) berkenaan kini boleh berbangga dengan pencapaiannya apabila sudah melepasi tahap kritikal menerusi pelaksanaan pelan strategik setiap lima tahun.

Naib Canselornya, Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, sepanjang tempoh itu, UMP berevolusi dengan dua fasa perdana iaitu meletakkan asas sebagai universiti teknikal dan memperkukuhkan asas serta menjana kecemerlangan.

“Bagi fasa pertama, kita sudah sempurnakan sepenuhnya, namun bagi fasa kedua masih terdapat beberapa aspek yang belum disempurnakan, namun kami yakin



MESRA...Dr Daing Nasir beramah mesra dengan pelajar UMP yang menghadiri majlis Maulidur Rasul.

Metro (kelantan) Jumat 18/2/11 N176

mampu mencapainya,” katanya ditemui selepas Majlis Ulang Tahun UMP dan Sambutan Maulidur Rasul, di sini, kelmarin.

Katanya, Pelan Strategik 2011-2015 baru saja dilancarkan dengan menyenaraikan empat objektif sebagai fokus pelan itu termasuk mencapai matlamat 50 peratus tenaga pengajar yang bertaraf Doktor Falsafah (Phd).

“Peratusan pensyarah UMP yang mempunyai Phd sekarang ini sudah mencapai 20 peratus atau seramai 112

orang dan kami meletakkan sasaran mencapai tahap 50 peratus pada 2015.

“Pendekatan transformasi, migrasi sikap dan penjajaran strategik bakal menjadikan UMP sebuah universiti teknologi pilihan utama bertaraf dunia,” katanya.

Mengenai majlis berkenaan, lebih 1,000 pelajar dan kakitangan UMP menyertai program itu yang diadakan sempena sambutan Maulidur Rasul serta Majlis Ulang Tahun Kesembilan universiti berkenaan bermula kira-kira jam 10 pagi.